

21 FEB 1999

Sabah-kemiskinan (Fokus Berita)

SABAH PERLU PENDEKATAN BARU BASMI KEMISKINAN

Oleh: Muammar Kamaruddin

KOTA KINABALU, 21 Feb (Bernama) -- Biarpun dianugerahi kekayaan alam semula jadi yang melimpah ruah seperti minyak dan hasil hutan, masih ramai rakyat Sabah hidup dalam kemiskinan.

Malahan, kadar kemiskinan di Sabah adalah yang kedua tertinggi di kalangan negeri-negeri di Malaysia selepas Kelantan.

Apakah puncanya? Dan apakah masih ada jalan keluar bagi semua keluarga yang dibelenggu masalah hidup ini?

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang pulang semalam setelah melawat Sabah selama tiga hari berkata antara punca kadar kemiskinan di Sabah masih tinggi ialah pada masa-masa lepas peruntukan adalah kurang dan tumpuan tidak diberi untuk mengatasinya.

"Dulu Sabah terlalu kaya tetapi ketika itu tidak ada tumpuan diberi kepada pembangunan rakyat Sabah kerana masing-masing asyik dengan seronok sahaja, dapat duit banyak," kata beliau.

Dalam soal ini, Dr Mahathir berkata bahawa Barisan Nasional (BN) yang mengambil alih pemerintahan negeri ini pada 1994, akan memastikan eksploitasi sumber kekayaan Sabah untuk kepentingan diri seperti yang berlaku pada masa-masa lepas, tidak berulang.

Sebaliknya, BN akan menggunakan organisasi tertentu yang boleh menguruskan sumber kekayaan Sabah itu dan apa yang diperolehi daripadanya akan digunakan untuk kepentingan rakyat negeri ini.

Menteri Pembangunan Luar Bandar Datuk Annuar Musa pula berkata Sabah perlukan pendekatan berlainan dalam pembasmian kemiskinan di kalangan rakyatnya yang dijangka mungkin dapat dikurangkan menjelang tahun 2003.

"Kita perlu satu pelan tindakan lima tahun yang direka khusus untuk keadaan unik di Sabah, sebab kerajaan sedar masalah golongan daif tidak mudah untuk diselesaikan kerana taburan penduduk miskin di pedalaman Sabah dan kebanyakannya tidak punya aktiviti ekonomi," katanya kepada Bernama di sini.

Pelan itu dijangka dapat disiapkan dalam tempoh enam bulan. Ia disediakan oleh satu jawatankuasa yang ditubuhkan oleh kementerian itu.

Annuar berkata: "Dulu PPRT (Projek Pembangunan Rakyat Termiskin) tertumpu kepada penyediaan rumah-rumah subsidi, tetapi kita dapati dengan sekadar memberi rumah yang lebih baik, ia masih tidak mengubah keadaan ekonomi mereka."

Oleh itu, kementerian itu menggubal pelan tindakan yang spesifik untuk Sabah bagi membantu 12,000 keluarga yang digolongkan sebagai paling miskin.

Annuar berkata tiga golongan sasaran dikenal pasti untuk pelan tindakan -- golongan produktif yang boleh dipindahkan ke penempatan baru, mereka yang produktif tetapi tidak perlu dipindahkan, dan golongan yang tidak berkeupayaan yang selalu dikelaskan sebagai "kes welfare".

Antara projek yang dikenal pasti ialah ladang PPRT, yang membolehkan peserta menerima dividen daripada hasil ladang berkenaan selain upah kerana mengerjakan ladang itu.

Kementerian telah bersetuju untuk membenarkan beberapa agensinya seperti RISDA dan FELCRA bekerjasama dengan Yayasan Sabah dan kerajaan negeri untuk mengenal pasti tanah yang sesuai untuk ladang-ladang PPRT.

Annuar berkata bahawa buat permulaan kerajaan negeri perlu mengenal pasti 50,000 hektar tanah untuk projek ladang PPRT yang akan diuruskan oleh agensi-agensinya dan Yayasan Sabah.

Satu lagi projek yang akan dijalankan di Sabah ialah projek ekonomi

yang dijalankan secara berkelompok dan besar-besaran.

Annuar berkata kementerian juga telah mengenal pasti satu kawasan berhampiran Semporna untuk dimajukan dengan tanaman rumpai laut secara komersil sama seperti kaedah program ternakan ayam, ikan dan ladang orkid di Kelantan dan Terengganu.

"Kita sedang mengenal pasti projek-projek ekonomi sedemikian yang boleh menggunakan dana PPRT manakala ekuitinya akan diagihkan kepada peserta-peserta PPRT," katanya.

Annuar menganggarkan projek-projek di bawah pelan tindakan baru itu memerlukan peruntukan RM100 juta untuk jangka masa lima tahun.

-- BERNAMA

MK MAI